



**LAMAN WEB E-DAGANG**  
**SISTEM TEMPAHAN DALAM TALIAN (STDT)**

**WAN AMIRAH BINTI WAN ABDUL MAJID**

**WEK 97104**

Penyelia :

**Profesor Madya Dr. Mahfuzah Kamsah**

Moderator :

**Encik Woo Chaw Seng**



**LAPORAN LATIHAN ILMIAH TAHUN AKHIR**  
**FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**SESI 2000/2001**

**BAGI MEMENUHI SYARAT-SYARAT**  
**KEPERLUAN IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER**  
**DAN**  
**TEKNOLOGI MAKLUMAT**

## **PENGISYTIHARAN**

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa saya, pelajar tahun akhir Sarjana Muda Sains Komputer, mengaku bahawa Laporan Latihan Ilmiah ini adalah hasil kerja saya sendiri dan tidak pernah dihantar pada mana-mana peringkat ijazah atau diploma universiti atau institusi pengajian tinggi yang lain. Segala maklumat yang diambil hasil daripada penerbitan atau hasil kerja pihak lain amatlah dihargai dan juga disertakan senarai rujukannya.

*WAN AMIRAH BINTI WAN ABDUL MAJID*

*FAKULTI SAINS KOMPUTER & TEKNOLOGI MAKLUMAT*

*WEK97104*

*30 OGOS 2000*

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya saya dapat menyiapkan projek ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Madya Mahfuzah Kamsah selaku Penyelia Projek yang telah banyak membantu saya dalam melaksanakan projek ini, juga tidak lupa kepada En. Woo Chaw Seng selaku moderator.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan dan jutaan terima kasih buat dua insan yang dicintai iaitu ayahanda Wan Abdul Majid Bin Che Mahmood dan bonda Wan Zainab Binti Haji Abdul Rahman, yang tidak jemu-jemu memberikan sokongan moral, dorongan, doa serta kasih sayang yang tidak berbelah bagi.

Seikhlas kasih sayang buat keluarga tercinta terutamanya abang-abang, kakak-kakak dan adik-adik serta sahabat seperjuangan, Norma, Zura, Fadzil, Pak Usu, Darwin, Ajai, Cimut, Gee, Sue dan Ina yang banyak memberi pertolongan, perangsang, tunjuk ajar, doa dan kasih sayang terhadap saya selama ini.



## ABSTRAK

Sistem Tempahan Dalam Talian (STDT) ialah sebuah sistem berasaskan web yang dibangunkan dengan objektif untuk melaksanakan keperluan pembelian produk dalam talian melalui Internet. Objektif sistem ini adalah untuk membolehkan pengguna yang melayari Internet membuat tempahan produk dalam kuantiti satu produk pada satu masa supaya ianya ringkas dan mudah, serta tidak perlu menggunakan banyak borang (forms). Aplikasi-aplikasi yang dapat dilakukan oleh sistem ini ialah menerima tempahan daripada pengguna, menghapuskan atau menambah produk dan memaparkan jumlah harga kesemua tempahan yang dibuat.

Sistem yang akan dibangunkan ini menggunakan *Active Server Pages*, *Visual InterDev 6.0*, *Internet Explorer 4.0*, *Personal Web Server* dan *Microsoft Access 2000* pada platform *Windows 98*. Dibangunkan dengan tujuan untuk memindahkan sistem maklumat pangkalan data berasaskan *client/server* kepada sistem maklumat pangkalan data berasaskan web, adalah diharapkan sistem ini akan menjadi satu keperluan kepada para peniaga untuk menjalankan perniagaan secara e-dagang pada masa hadapan.



**KANDUNGAN**

<b>PENGISYTIHARAN</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI RAJAH</b>	ix

**BAB 1 PENGENALAN**

1.1	Pengenalan Kepada Projek	1
1.2	Motivasi Projek	3
1.3	Objektif Pembangunan Sistem	4
1.4	Skop Kajian Sistem	4

**BAB 2 KAJIAN LITERASI****BAHAGIAN I : LAMAN WEB**

2.1	Pengenalan Kepada World Wide Web	6
2.2	Komponen – Komponen Asas Laman Web	8
2.3	Bagaimana Web Bekerja	8

2.4	Kelebihan Menggunakan Laman Web	9
2.5	Kelemahan Laman Web	10
2.6	Hasil Penemuan	11
2.6.1	Godiva Chocolatier	11
2.6.2	Malaysia's First Internet Florist	14
2.6.3	111Gift.com	16
2.7	Analisis Perbandingan Laman-Laman Web	17
2.8	Kesimpulan	18

## **BAHAGIAN II : PERDAGANGAN ELEKTRONIK (E-DAGANG)**

2.9	Pengenalan Perdagangan Elektronik (e-dagang)	18
2.10	Konsep E-Dagang	19
2.11	Segmen-Segmen Dalam E-Dagang	23
2.12	Masalah-Masalah E-Dagang	23
2.13	Penyelesaian Kepada Masalah	24
2.14	Isu-Isu Dalam E-Dagang	25

## **BAB 3 METODOLOGI PEMBANGUNAN**

3.1	Pengenalan	27
3.2	Pendekatan Pembangunan	28

---



3.3	Penerangan Model V	28
3.4	Perancangan Latihan Ilmiah	30

#### **BAB 4 ANALISIS KEPERLUAN SISTEM**

4.1	Pengenalan	31
4.2	Keperluan Pembangunan Sistem	31
4.2.1	Keperluan Perkakasan	31
4.2.2	Keperluan Perisian	32
4.3	Spesifikasi Sistem	34
4.3.1	Modul Kategori	35
4.3.2	Modul Tempahan	36
4.3.3	Modul Borang Tempahan	37
4.4	Gambaran Yang Berlaku Pada Halaman ASP	37

#### **BAB 5 REKABENTUK SISTEM**

5.1	Pengenalan	39
5.2	Analisa sistem	40
5.3	Penerangan Fungsi	41
5.3.1	Fungsi Kategori	41

---

5.3.2	Fungsi Tempahan	41
5.3.3	Fungsi Borang Tempahan	42
5.4	Model Sistem	42
5.5	Rekabentuk Luaran	47
5.5.1	Rekabentuk Senibina	47
5.5.1.1	Rajah Konteks	47
5.5.1.2	Rajah Aliran Data Paras 1	48
5.5.1.3	Rajah Aliran Data Paras 2	49
5.5.2	Rekabentuk Antaramuka	50
5.5.3	Rekabentuk Input	55
5.5.4	Rekabentuk Output	56
5.5.5	Rekabentuk Pangkalan Data	57
5.6	Rekabentuk Dalaman	58
5.6.1	Rekabentuk Kawalan Keselamatan	59
5.6.2	Rekabentuk Kawalan Sistem	59

## **BAB 6 IMPLEMENTASI SISTEM**

6.1	Pengenalan	61
6.2	Pengkodan dan Pengujian Sistem	61
6.3	Pemasangan Sistem	63

---



6.4	Antaramuka Sistem	64
-----	-------------------	----

## **BAB 7 KESIMPULAN**

7.1	Pengenalan	65
7.2	Pencapaian Projek	66
7.3	Masalah Perlaksanaan	66
7.4	Perluasan Projek	68
7.5	Kesimpulan	69

## **RUJUKAN**

## **LAMPIRAN A**

## **LAMPIRAN B**

## **LAMPIRAN C**

## **PENGKODAN**

## **MANUAL PENGGUNA**

## SENARAI RAJAH

Rajah		Mukasurat
Rajah 3.1	Model V	29
Rajah 4.1	Modul Menu Utama	34
Rajah 4.2	Modul Bagi Kategori	35
Rajah 4.3	Sub-Modul Kategori	36
Rajah 5.1	Carta Alir Menu Utama	43
Rajah 5.2	Carta Alir Pilih Produk	44
Rajah 5.3	Carta Alir Modul Tempahan	45
Rajah 5.4	Carta Alir Modul Borang Tempahan	46
Rajah 5.5	Rajah Konteks Sistem Tempahan Dalam Talian	47
Rajah 5.6	Aliran Data Paras 1	48
Rajah 5.7	Rekabentuk Utama Antaramuka	51



*BAB 1*  
*PENGENALAN*

---

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pengenalan Kepada Projek**

Internet tidak dapat dinafikan adalah gelombang mutakhir yang mempunyai potensi besar dalam membentuk acuan serta perwatakan jagat pada alaf mendatang. Kehadirannya tidak ternoktah sekadar kemampuan meleburkan perbezaan masa dan sempadan kenegaraan tetapi turut membawa bersamanya peluang perniagaan dan perwatakan ekonomi yang sama sekali baru. Justeru itu, kedengaranlah istilah-istilah baru seperti ekonomi digital dan perdagangan menerusi talian.

Bagaimanapun di awal pertumbuhannya, Internet lebih menampakkan kecenderungan kepada isu serta aplikasi yang kurang kritikal seperti pelayaran laman web, bicara menerusi talian dan penggunaan mel elektronik namun kini trennya kian menjurus ke arah persekitaran perniagaan yang lebih serius. Ia mula diperbincangkan sebagai ekonomi alaf mendatang atau ada waktunya juga dikenali sebagai ekonomi digital [2]. Secara amnya ekonomi digital ini bermaksud perdagangan yang dijalankan secara terus menerusi talian. Ia meliputi segala aspek penjualan dan pembelian secara elektronik, termasuklah proses membuat pesanan, pemprosesan pesanan, khidmat sokongan pengguna, pengiklanan produk serta aspek pembayaran [6].



Jika dibandingkan cara sesuatu perniagaan pada masa dahulu dijalankan adalah menerusi iklan-iklan di televisyen, di radio, di akhbar-akhbar dan papan-papan tanda di sekitar jalanraya sahaja. Jadi penyebaran informasi adalah terhad, ini menyebabkan peluang pasaran juga terhad. Tetapi keterbatasan ini telah dapat dikurangkan dengan adanya kemudahan Internet.

Secara amnya, laman web e-dagang yang akan pembina bangunan ini adalah lebih spesifik kepada Sistem Tempahan Dalam Talian (STDT). Laman ini yang diberi nama "Gift-2-U.com" akan memaparkan pelbagai jenis produk berupa cenderamata. Pemilihan produk ini diambilkira berdasarkan permintaan yang tinggi pada masa sekarang. Disamping itu juga, penggunaan laman web sebagai tapak pemasaran barangan juga adalah supaya ianya dapat memenuhi kehendak para pelanggan yang berada dimana-mana.

Kehadiran Internet juga turut membolehkan kewujudan syarikat korporat maya. Dengan kata lain, badan-badan perniagaan tidak perlu mewujudkan prasarana perniagaan fizikal seperti pejabat urusan mahupun jualan. Selain itu, ramai berpendapat bahawa Internet dan perdagangan menerusi talian juga dapat melebarkan pasaran pembeli dan sekaligus meningkatkan kantung pendapatan perniagaan mereka serta mengurangkan kos transaksi dan juga pengedaran.

## 1.2 Motivasi Projek

Setiap projek yang wujud pasti mempunyai sebab atau pendorong ke atas pembangunannya. Ini tidak terkecuali projek STDT di mana terdapat pelbagai sebab yang mempengaruhi pembina untuk membangunkan satu laman yang semakin mendapat perhatian ramai. Faktor utama yang menggerakkan pembangun untuk melaksanakan projek ini adalah kerana:

- Ramai di kalangan para peniaga yang masih menjalankan perniagaan menggunakan cara tradisional
- Tidak ada pendedahan tentang kepentingan Internet yang dapat digunakan sebagai tapak memasarkan produk jualan mereka
- Isu-isu keselamatan perniagaan semasa menjalankan urusan dalam talian yang telah diwujudkan tetapi tidak di ketahui secara mendalam
- Penggunaan laman web e-dagang ini sebenarnya dapat memberikan pulangan hasil yang memberangsangkan



### 1.3 Objektif Pembangunan Sistem

Laman web yang dibangunkan ini mempunyai beberapa objektif yang telah dikenalpasti, di antaranya :

- Membolehkan pengguna yang melayari Internet melawat dan membuat penempahan pelbagai produk sebagai cenderamata
- Menjimatkan masa pengguna yang ingin membuat penempahan kerana ia dapat dilakukan dari mana-mana tempat dengan sambungan ke Internet
- Memaparkan produk yang lengkap dengan maklumat berserta gambar setiap produk
- Menggunakan teknologi perkakasan dan perisian yang optimum
- Tidak memerlukan kos yang besar
- Sistem mesra pengguna

### 1.4 Skop Kajian Sistem

Sistem ini dibangunkan dengan tujuan seperti berikut :

- Membolehkan pengguna membuat tempahan pelbagai produk secara dalam talian



- Membangunkan satu sistem tempahan yang membolehkan maklumat tempahan yang telah dibuat itu dipaparkan semula dalam carta pembelian
- Memaparkan kepada pengguna jumlah harga yang telah dikira bagi kesemua tempahan yang dibuat
- Memberi pilihan kepada pengguna untuk membuat pilihan samada ingin menghapuskan satu atau semua sekali produk pada satu masa
- Kemasukkan butiran pelanggan, penerima dan kad kredit secara terus melalui borang tempahan dan data disimpan ke dalam pangkalan data
- Penggunaan pangkalan data yang konsisten bagi memudahkan pengumpulan data, menyimpan dan mencapai data

Dalam merealisasikan pembinaan sistem ini, faktor penglibatan pengguna adalah penting untuk menilai samada ia beroperasi atau tidak serta adakah ianya telah memenuhi kehendak pengguna. Di samping itu juga ia dapat menentukan samada sistem ini dapat memberikan kemudahan melakukan transaksi secara talian terus atau tidak.

*BAB 2*  
*KAJIAN LITERASI*

---

## BAB 2

### KAJIAN LITERASI

#### BAHAGIAN 1: LAMAN WEB

##### 2.1 Pengenalan Kepada World Wide Web (WWW)

Perkara yang paling penting didalam konteks Internet ialah tentang *World Wide Web* (WWW). Ia boleh dilayari dengan menggunakan pelayar-pelayar seperti *Netscape Navigator*, *Microsoft's Internet Explorer* atau mana-mana pelayar yang popular. Pelayar ini telah menjadi satu alat yang piawai bagi Internet. Apakah yang dimaksudkan dengan WWW ? WWW adalah capaian maklumat *hypermedia* yang luas bidangnya yang memberi capaian universal kepada dokumen yang besar. Ia menyediakan penggunaan rangkaian komputer dengan cara konsisten untuk mencapai pelbagai media dalam cara yang mudah [5].

Manakala web pula adalah koleksi dokumen *hypertext* yang disimpan pada pelayan web dan boleh dicapai menerusi Internet. Dokumen boleh terdiri daripada fail-fail ringkas yang mengandungi teks dan *hyperlinks* atau pun 'laman maya' yang kompleks yang dihasilkan oleh perisian tertentu di dalam komputer.



Apakah yang dimaksudkan dengan laman web?

Pada masa sekarang laman web (homepage) sudah menjadi pelantar media yang semakin popular untuk menyampaikan sesuatu mesej dan kreativiti individu kepada dunia yang lebih luas. Laman web adalah pelayan komputer yang mengandungi sumber seperti imej grafik, fotograf, audio dan *full-motion video*. Kebanyakan sumber ini adalah dokumen yang mengandungi teks dengan pelbagai grafik berwarna. Sesetengah perkataan adalah perkataan *hypertext* dimana dengan menekan pada perkataan tersebut, dokumen berkaitan yang lain akan dikeluarkan.

Dalam konteks dunia perniagaan, laman web adalah merupakan satu teknologi maju untuk mengembangkan sayap perniagaan keserata pelusuk dunia. Ramai di kalangan peniaga-peniaga tempatan mahupun luar negara yang telah ataupun sedang mencuba kaedah terbaru yang berasaskan laman web keatas produk mereka.

Menurut laporan dari sebuah syarikat penyelidikan di Amerika Syarikat, nilai urusan dalam Internet boleh mencapai peningkatan daripada AS\$2.6 bilion (1996) hingga AS\$220 bilion (2001). Ini menunjukkan kadar peningkatan urusan dalam Internet daripada 25% kepada 39% dalam jangkamasa yang sama. Dengan meningkatnya kesedaran tentang kegunaan Internet di negara-negara maju, maka lebih ramailah pengguna yang melibatkan diri ke dalam urusan secara elektronik ini [2].

## 2.2 Komponen-komponen Asas Laman Web

Kecanggihan dan keunikan laman-laman web kian terserlah dengan kewujudan perisian pembinaannya seperti *Microsoft FrontPage 2000*, *Adobe Page Mill*, *Home Site* dan *Macromedia Dreamweaver*. Malah sekarang para pembina laman tidak lagi perlu mempelajari kod-kod *Hyper Text Markup Language* (HTML) secara mendalam [9].

Perisian laman web boleh dibahagikan kepada 2 jenis iaitu penyunting bergrafik dan penyunting berkod. Dengan menggunakan perisian penyunting bergrafik, pengguna sekarang boleh menghasilkan laman web yang diinginkan yang mana konsepnya dikenali juga sebagai WYSIWYG (*What You See Is What You Get*). Manakala penyunting berkod pula memerlukan penghafalan dan pemahaman kod-kod HTML kerana pembinaan laman web hanya bergantung kepada kod tersebut.

## 2.3 Bagaimana Web Bekerja

Web bukanlah hanya sekadar pelayar yang digunakan pada *desktop*. Struktur web yang tersembunyi adalah utiliti penting yang digunakan untuk mencapainya. Web terbahagi kepada 2 bahagian, storan atau capaian dan paparan/input. Pelayan web (terletak di mana-mana lokasi rangkaian), menguruskan bahagian storan dan capaian. Pelayar pada stesen



kerja pengguna (*client*) menguruskan paparan maklumat dan pengiktirafan input apabila diperlukan. Bagi dunia komputer yang besar, pendekatan dalam menguruskan penghantaran maklumat ini dikenali sebagai pengkomputeran *client/server*. *Client* menguruskan kerja interaksi pengguna, manakala pelayan (*server*) menyelesaikan masalah capaian segera dan menghantar maklumat.

## 2.4 Kelebihan Menggunakan Laman Web

Di antara sebab-sebab utama mengapa laman web ini menjadi pilihan bagi kebanyakan peniaga ialah disebabkan faktor-faktor seperti berikut :

- Ia dapat dicapai oleh sesiapa sahaja dan di mana-mana sahaja dengan adanya jaringan Internet
- Asas bagi pembinaan laman web adalah mudah untuk dipelajari oleh sesiapa sahaja, tambahan terdapat banyak perisian yang menyokongnya
- Bagi tujuan perniagaan ia dapat meningkatkan lagi tahap jualan sesuatu produk atau perkhidmatan, juga mewujudkan lokasi yang lebih luas kepada para pembeli dan penjual untuk membuat pilihan dan menawarkan pelbagai produk
- Lebih ramai 'usahawan siber' akan muncul untuk mengeksploitasi keunikan yang ada pada web [8]



- Pelanggan tidak akan menghadapi masalah seperti mendapatkan tempat letak kenderaan kerana dapat dilakukan di rumah atau di mana-mana sahaja yang dirasakan selesa.
- Sesuatu firma atau syarikat yang menjual barangan juga dapat menghantar sendiri barangan yang dibeli terus kepada rumah pelanggan tersebut

## **2.5 Kelemahan Laman Web**

Walaupun penggunaan laman web ini banyak kelebihannya tetapi ia masih juga ada beberapa kekurangannya yang tersendiri. Di antaranya ialah :

- Penggunaan teknologi yang tidak dapat mengesan kesilapan dalam transaksi
- Penggunaan laman web selalunya disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab
- Ia memakan masa yang agak panjang kerana proses membina laman web juga kadang-kala memerlukan kajian yang mendalam terlebih dahulu

## 2.6 Hasil Penemuan

Berdasarkan hasil penemuan dan kajian yang pembina jalankan melalui Internet, pembangun telah menemui beberapa contoh laman web menjual produk yang pelbagai di antaranya ialah:

### 2.6.1 Godiva Chocolatier

#### Pengenalan

*Godiva Chochlatier* adalah merupakan sebuah syarikat yang memperdagangkan produk coklat. Ia mula beroperasi sejak 75 tahun yang lalu di Brussels, Belgium apabila Joseph Draps menubuhkan sebuah syarikat yang diberi nama sempena lagenda *Lady Godiva*. Syarikat ini pada menghasilkan coklat secara kecil-kecilan sahaja dan menggunakan kaedah pembuatan *hand-made*.

#### Analisis laman web

Secara amnya, laman web yang dibangunkan ini mempunyai 6 skop penyediaan perkhidmatan yang utama iaitu :

1. Pengenalan tentang syarikat



2. Produk/ barangan yang terbaru
3. Pembelian produk secara talian terus
4. Perkhidmatan pelanggan
5. Alamat yang pelanggan boleh hubungi
6. Peluang pekerjaan yang ada

Oleh kerana laman web ini ada menyediakan pembelian secara dalam talian maka untuk membuat pembelian secara dalam talian, ia menggunakan teknologi *cookies* yang mana dapat memberitahu kepada kita samada pelawat yang melawat sesebuah laman itu merupakan pelawat yang pernah berkunjung atau tidak. Di samping itu juga, ia menyediakan laman pengesahan keselamatan yang dikenali sebagai *Verisign Secure Site* dimana ada di berikan semua senarai seperti alamat URL, alamat syarikat yang lengkap serta status *server* ID yang betul supaya pengguna dapat membuat semakan sendiri supaya ianya sama dengan apa yang terkandung di dalam laman web yang dilayari itu.

Disamping itu ia juga menyediakan pelbagai pilihan untuk membuat pembayaran contohnya dengan menggunakan *VISA*, *MasterCard*, *American Express*, *Godiva Online Gift Certificates* dan *Flooz*. Pada masa yang sama jaminan keatas barangan yang dihantar



juga terkawal dan pelanggan boleh membuat tuntutan mendapatkan barangan baru ataupun mendapatkan semula duit yang telah dibayar.

#### **Kelebihan laman web**

Setakat yang dapat pembangun perhatikan disini ialah laman web ini menyediakan banyak kemudahan maklumat tentang produk yang didagangkan serta penawaran produk yang pelbagai. Di samping itu juga, ia ada menyediakan perkhidmatan penghantaran yang cepat ke destinasi itu sendiri. Cara pembayaran dilakukan juga adalah lebih fleksibel dan pelbagai, jadi ia memudahkan para pelanggan untuk membuat urusan niaga.

#### **Kelemahan laman web**

Walaupun bagaimanapun masih ada kekurangan yang pembangun perhatikan di sini, terutama dalam faktor geografi penghantaran barangan kerana syarikat ini tidak dapat membuat penghantaran kepada pelanggan yang berada di luar kawasan yang telah ditetapkan. Kemungkinan juga syarikat terpaksa menanggung kos yang agak besar jika berlaku kerosakan semasa penghantaran dibuat [19].

### **2.6.2 Malaysia's First Internet Florist**

#### **Pengenalan**

Laman web ini yang ditubuhkan pada April 1998 pula menyediakan perkhidmatan jual beli bunga untuk pelbagai jenis tujuan. Di samping itu juga ia ada menyediakan perkhidmatan penghantaran sampai ke rumah. Laman web bunga yang seumpama ini adalah yang pertama diwujudkan di Malaysia dan di antara yang terawal memperkenalkan urusanniaga melalui Internet. Sebelum ini ia juga pernah diperkenalkan di negara-negara seperti Singapura, Hong Kong, Taiwan dan Filipina.

#### **Analisis laman web**

Setelah dibuat kajian, didapati laman web ini juga ada menyediakan 4 jenis skop ruang kemudahan yang utama kepada pelanggan seperti :

1. Kedai, di mana terdapat produk untuk dijual
2. Pemberitahuan maklumat berkaitan syarikat, masa penghantaran dan jaminan yang ditawarkan
3. Jenis pembayaran
4. Pertanyaan



Pembangunan laman web ini diselenggarakan oleh *Cyber Village Online* yang menggunakan pendekatan teknologi pembelian keselamatan dalam talian melalui *secure socket layer* (SSL). Semua maklumat yang diberi oleh pelanggan akan di *encrypt* untuk perlindungan daripada disalahgunakan dan dirosakkan semasa dihantar melalui Internet. Teknologi ini adalah lebih berkesan jika dilihat menggunakan *Internet Explorer* ataupun *Netscape Navigator*. Contohnya sebelum pelanggan mengisi maklumat dalam borang bil, mereka dapat mengetahui bahawa mereka sedang berada dalam kawasan *encrypted* apabila nampak *solid key* atau *closed lock*. Dari segi cara pembayaran yang boleh digunakan pula ialah seperti *VISA* dan *MasterCard*. Selain itu juga jika tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan, pelanggan boleh meminta ganti rugi dengan pihak syarikat.

### **Kelebihan laman web**

Kelebihan yang ditawarkan ialah dari segi keselamatan transaksi yang akan dibuat menggunakan teknologi SSL, kemudahan penggunaan kad kredit yang utama, pemilihan jenis produk yang pelbagai dan pemilihan tarikh tertentu untuk penghantaran dibuat. Serta tiada bayaran tambahan penghantaran yang dikenakan.



### Kelemahan laman web

Dari segi membuat pembayaran pula, ia adalah agak terhad kerana hanya 2 jenis kad kredit sahaja diterima pakai. Dan jika pelanggan ingin menggunakan corak pembayaran yang lain pula, ia tidak dapat diterima [20].

### 2.6.3 111Gift.com

#### Pengenalan

111Gift.com telah direkabentuk sebagai perdagangan secara talian terus dalam persekitaran yang selamat, mudah dan memenuhi kehendak pelanggan. Ibupejabatnya terletak di Kuala Lumpur, Malaysia dan ada 2 buah lagi cawangannya di Singapura dan Canada. Sebenarnya laman web ini bertujuan menyediakan pelbagai koleksi cenderamata yang bersesuaian dengan misi mereka iaitu, *BIG IDEAS for SMALL BUDGET*.

#### Analisis laman web

Daripada kajian yang dibuat ke atas laman web ini didapati ia juga menggunakan teknologi *secure socket layer* (SSL) sama seperti laman

web *myflowers.com*, cuma ada satu lagi tambahan iaitu *Open Market Transaction System*. Setiap tempahan yang dibuat juga akan dikenakan bayaran penghantaran.

#### **Kelebihan laman web**

Laman ini menawarkan protokol keselamatan SSL sama seperti diatas. Dan juga ia memberi jaminan barangan yang dibeli dapat dihantar dalam jangkamasa 24 jam sahaja. Penggunaan grafik yang menarik dapat meningkatkan lagi jumlah pelanggan untuk mengunjungi laman web ini. Kaedah pembelian pula adalah mudah difahami dan diikuti.

#### **Kelemahan laman web**

Sama juga dengan laman web *myflowers.com* yang mana pembayaran hanya dapat dilakukan menggunakan kad kredit *VISA* dan *MasterCard* [21].

### **2.7 Analisis Perbandingan Laman-Laman Web**

Jadi kesimpulan daripada kajiselidik keatas laman-laman web yang telah dibuat, secara keseluruhannya kebanyakan teknologi keselamatan yang digunakan ialah SSL yang



melindungi semua maklumat transaksi melalui Internet. Dari segi skop laman web pula, semuanya adalah lebih kurang sama sahaja. Dari segi bayaran penghantaran hanya laman *Myflowers* yang tidak mengenakan apa-apa bayaran.

## 2.8 Kesimpulan

Walaupun bagaimanapun tidak semua jenis perniagaan boleh melakukan urusanniaga melalui Internet kerana ada sesetengah urusanniaga masih memerlukan perhubungan sesama manusia (human contact) serta urusanniaga yang melibatkan pertukaran tunai seperti di restoran dan pembaikpulih kereta.

## BAHAGIAN II : PERDAGANGAN ELEKTRONIK (e-dagang)

### 2.9 Pengenalan Perdagangan Elektronik (e-dagang)

Dunia perniagaan hari ini mempunyai satu lagi media perantaraan untuk memasarkan barangan mereka dengan cara yang lebih luas dan bersifat global. Cara terbaru ini adalah lebih murah dari segi kos jangka panjang dan lebih menarik berbanding dengan

iklan-iklan kaku seperti yang terpapar dalam pelbagai media cetak.

Dengan menggunakan teknologi laman web menerusi Internet, para usahawan boleh membina sebuah *niche* dalam perniagaan yang diceburi dan membina kelebihan bersaing untuk perniagaan tersebut berbanding cara konvensional. Menurut seorang Pengarah Eksekutif Aims Worldwide (M) Sdn. Bhd, Mohd Salleh Masduki berkata, masyarakat di negara Malaysia khususnya patut dibiasakan terlebih dahulu dengan budaya membeli atau menjual melalui skrin kerana budaya yang berpegang kepada konsep lama iaitu, 'melihat dan meyerut' barang yang hendak dibeli adalah masih kuat [5].

## 2.10 Konsep E-Dagang

Dari segi definisi, pengertian perdagangan elektronik adalah meluas dan meliputi pelbagai perkhidmatan sokongan perniagaan termasuklah :

- Mel-elektronik antara organisasi
- Sistem sokongan dagangan untuk komoditi
- Produk dan perkhidmatan
- Sistem sokongan logistik dan tempahan



- Sistem sokongan penyelesaian
- Sistem laporan statistik dan pengurusan maklumat

Namun sejak kemunculannya pada awal tahun 1990-an, penggunaan perdagangan elektronik telah menjadi hak milik umum dan setiap pakar peunding serta ahli akademik, masing-masing mempunyai definisi yang tersendiri. Tetapi yang selalu digunakan secara menyeluruh ialah :

*Perdagangan elektronik* ialah merupakan urusan perniagaan dengan bantuan telekomunikasi dan berasaskan alatan telekomunikasi. Ataupun lebih tepat lagi dalam konteks berasaskan laman web, ia bermaksud melakukan urusanniaga dalam talian menerusi kemudahan Internet. Ini termasuklah membuat pesanan, memproses pesanan, khidmat sokongan pengguna, pengiklanan produk serta aspek pembayarannya yang akan dilakukan menerusi perkhidmatan dalam talian (online) atau Internet. Umpamanya penggunaan kaedah *Electronic Data Interchange* (EDI) atau Pertukaran Data Secara Elektronik, membolehkan komputer sesebuah syarikat membuat tempahan dan pembelian barangan menerusi komputer syarikat pembekal [16].

Manakala, urusanniaga ditahap rendah yang hanya melibatkan pertukaran wang dalam jumlah yang kecil dalam perdagangan elektronik disebut sebagai *microcommerce* (perdagangan mikro)[2]. Antara contoh urusanniaga berkenaan termasuklah pembelian

artikel daripada akhbar dan pencarian perkataan/individu. Dengan kehadiran Internet juga ia dapat mencetus kewujudan syarikat korporat maya. Dengan kata lain, tidak lagi wujud prasarana perniagaan fizikal seperti pejabat urusan mahupun jualan kerana segala-galanya dapat dilakukan menerusi talian sahaja.

Model Perdagangan Elektronik

Rajah dibawah menunjukkan sebuah model perdagangan elektronik yang mempunyai 5 fasa iaitu [3]:

- 1. Pengumpulan maklumat
- 2. Penempahan
- 3. Pembayaran
- 4. Memenuhi kehendak
- 5. Memberi sokongan dan perkhidmatan

Model Bagi Perdagangan Elektronik




Most companies engaging in EC today are in phases I and II



Ini bermakna sesebuah syarikat itu dapat mengiklankan produk mereka kepada pelanggan melalui mail elektronik di dalam Internet dan juga web. Pelanggan pula dapat membuat tempahan dan pembayaran terhadap produk dan perkhidmatan yang diperolehi secara *online*. Dan jika produk yang dibeli itu dapat didigitalkan, ia dapat dihantar terus kepada pelanggan secara *online* seperti dalam kes produk berasaskan maklumat, video dan perisian. Tiga jenis Mod Perdagangan Elektronik :

Three Possible Modes of Electronic Commerce



Mod-mod ini menerangkan proses-proses transaksi yang berlaku di antara individu dan perniagaan. Transaksi yang berlaku di antara individu dan syarikat adalah berasaskan Internet. Intranet pula merujuk kepada penggunaan Internet di antara perniagaan dengan perniagaan dan extranet pula merujuk kepada penggunaan antara Internet dan syarikat [3].

## 2.11 Segmen–Segmen Dalam E-Dagang

1. *Electronic catalogue* – penjual boleh berkomunikasi/membuat tawaran kepada pembeli.
2. *Electronic Data Interchange (EDI)* – piawaian yang menekankan struktur data untuk melakukan transaksi e-dagang.
3. *E-auctions* – untuk set mekanisma tertentu bagi penentuan harga [16].

## 2.12 Masalah-Masalah E-Dagang

Terdapat banyak faktor-faktor yang dapat dikaji dan diselidik, mengapa sambutan terhadap penggunaan perdagangan elektronik (EC) ini tidak menggalakkan. Di antara punca-punca terlibat ialah :

- Sikap kurang minat kebanyakan rakyat untuk membeli komputer peribadi (PC) dan modem, walaupun harganya terus mengalami penurunan yang ketara
- Ramai yang bimbang dengan isu keselamatan seperti keselamatan rangkaian dan sistem maklumat, pembayaran elektronik serta kelajuan transaksi yang mungkin akan menjejaskan perjalanan urusan niaga
- Kekurangan laman-laman Web tempatan yang cuba diketengahkan



- Faktor keupayaan serta kemampuan masyarakat global dalam mendapatkan capaian Internet

### 2.13 Penyelesaian Kepada Masalah

Jadi sebagai langkah berjaga-jaga bagi menangani isu kritikal ini, kerjasama semua pihak diperlukan tanpa ada batasan sempadan. Sebagai sebuah negara yang komited kepada isu-isu tersebut, kerajaan Malaysia contohnya, telah menggubal beberapa undang-undang siber seperti Akta Tandatangan Digital dan Akta Jenayah Komputer, perundangan berkaitan kegiatan Internet serta perlindungan kepada pelanggan bagi kegiatan pengiklanan yang tidak bertanggungjawab [4].

Di samping itu juga, penyelesaian dalam menangani isu berkaitan penggunaan kad kredit telah dapat diatasi melalui pengenalan piawaian Pemindahan Keselamatan Elektronik (SET) oleh *VISA* dan *MasterCard*. Sistem ini adalah piawai global yang mana membolehkan pembayaran selamat dilakukan melalui sistem rangkaian terbuka seperti Internet. Pemegang kad kini boleh menggunakan kod dan perisian khas bagi pengesahan, jika dibandingkan dengan kaedah sebelum ini dimana keterangan lengkap mengenai kad kredit itu terpaksa dihantar melalui telefon awam. Apabila pengguna berhubung dengan tapak web yang diluluskan oleh SET, mereka akan menggunakan

nombor khas itu dan bayaran akan dikenakan secara bil bulanan kepada mereka [8]. Dengan adanya sokongan serta pendedahan yang diberikan dari masa ke semasa, masyarakat secara sendirinya akan mula menyedari kemampuan Internet, dan pastinya dari segi peratusan pengguna global juga akan meningkat berlipat ganda pada alaf baru ini.

#### 2.14 Isu-isu Dalam E-Dagang

- Malaysia menduduki tangga ke-5 sebagai negara Asia yang berpotensi bagi kegiatan perdagangan elektronik selepas negara Jepun, Hong Kong, Korea Selatan dan Taiwan [6]
- Malaysia menjadi negara kelima di Asia Pasifik menggunakan kad Visa untuk membuat pembayaran barangan dan perkhidmatan dengan selamat melalui Internet [7]
- Pembelian produk atau langganan melalui Internet kini kian popular terutama dengan penerimaan konsep e-dagang yang memudahkan pembeli serata dunia membuat pembelian mudah. Dalam kebanyakan laman yang menjual produk, pengguna atau pembeli hanya perlu memasukkan nama, alamat, nombor dan jenis kad kredit serta tarikh luput. Penjual kemudian akan melakukan pengesahan bagi menentukan kesahihan maklumat kad sebelum membil pengguna [13]



- Dari segi isu infrastruktur di Malaysia pula, pengguna perlu menerima kemunculan Internet dulu sebelum menggunakannya untuk tujuan e-dagang. Jika dibandingkan dari segi jumlah pelanggan Internet di Malaysia dengan di Singapura dan Taiwan, di Malaysia hanya terdapat 140,000 manakala di Singapura seramai 175,000 dan Taiwan, 165,000 [13]

*BAB 3*  
*METODOLOGI*  
*PEMBANGUNAN*

---



### **BAB 3**

## **METODOLOGI PEMBANGUNAN**

### **3.1 Pengenalan**

Setelah mengambilkira pandangan mengenai projek yang akan dibuat untuk membangunkan sebuah laman web e-dagang dalam Bab 2 sebelum ini, jadi dalam bab ini pula ia bertujuan untuk menerangkan tentang metodologi pembangunan sistem. Analisis yang telah dijalankan meliputi pelbagai aspek seperti strategi dan paradigma yang digunakan dalam pembangunan sesebuah sistem.

Selain itu, analisis ini juga meliputi peralatan pembangunan yang digunakan. Analisis tersebut termasuklah faktor-faktor kebolehsandaran, kebolehpercayaan dan kebolehgunaan sistem dari segi perisian dan perkakasan yang digunakan. Kemudian kriteria pendekatan dan piawaian yang sesuai dipilih dan digunakan. Tujuannya adalah untuk mengukur kebolehgunaan dan kebolehpercayaan produk yang diniagakan selaras dengan perkhidmatan yang ditawarkan. Di samping itu juga, pembangun mengambil langkah berhati-hati dalam memilih kaedah pembangunan dan penumpuan terhadap projek yang ingin dibangunkan ini supaya tidak timbul sebarang masalah yang besar di kemudian hari.

### **3.2 Pendekatan Pembangunan**


Dalam projek ini pembangun menggunakan model V yang merupakan variasi daripada model Air-Terjun yang menerangkan aktiviti berkaitan analisis dan rekabentuk. Penggunaan model V ini dapat membantu pembangun sistem menjangkakan keperluan sebenar dan bagaimana ia dapat beroperasi. Justeru itu, kaedah ini juga dapat membantu pembangun mengenalpasti ralat dan kekurangan yang timbul.

### **3.3 Penerangan Model V**

Model ini mempunyai 2 bahagian iaitu, bahagian analisis dan rekabentuk di sebelah kiri dan pengujian serta penyelenggaraan di sebelah kanan. Manakala bahagian pengkodan pula terletak di bahagian bawah rajah yang juga merupakan titik kepada model. Kelebihan model ini ialah :

1. Dapat mengenalpasti langkah-langkah yang perlu diperbaiki
2. Memastikan program yang dihasilkan tidak bercampur antara satu sama lain
3. Semua peringkat model adalah lebih mudah difahami
4. Jika ada masalah yang timbul, bahagian kiri boleh diperbetulkan dahulu sebelum bahagian kanan berlaku. Dan ia boleh berpatah balik jika ada kesilapan yang berlaku dalam fasa yang seterusnya sebelum fasa lain bermula.






Rajah 3.1 Model V

3.4 Perancangan Latihan Ilmiah

Bagi memastikan kelancaran pembangunan ini, pembangun menggunakan carta Gantt sebagai panduan perancangan. Kaedah ini mudah untuk penjadualan di mana bar pada carta menunjukkan setiap tugas atau aktiviti, manakala panjang bar menunjukkan jangka waktu sesuatu tugas yang dijalankan. Contohnya adalah seperti di bawah :





*BAB 4*  
*ANALISIS*  
*KEPERLUAN*  
*SISTEM*

---

## **BAB 4**

### **ANALISIS KEPERLUAN SISTEM**

#### **4.1 Pengenalan**

Spesifikasi keperluan sesuatu sistem perlu ditentukan sebelum sistem dibangunkan. Ini adalah untuk memastikan bahawa sistem yang bakal dibina dapat beroperasi dengan baik. Spesifikasi pembangunan sistem yang akan digunakan ialah aplikasi *Active Server Pages* (ASP).

#### **4.2 Keperluan Pembangunan Sistem**

Pembangunan sistem ini menggunakan sepenuhnya aplikasi *Active Server Pages* yang boleh kita lihat dalam dua kategori iaitu :

##### **4.2.1 Keperluan Perkakasan**

Keperluan minimum perkakasan bagi pembangunan aplikasi ini ialah seperti



- Pemproses Pentium 200MHz
- Ruang ingatan 32MB RAM sekurang-kurangnya
- Ruang cakera keras minimum 20MB
- Pelayan Windows NT 4.0/Windows 95/98 dengan rangkaian TCP/IP
- Papan kekunci dan tetikus

#### 4.2.2 Keperluan Perisian

Perisian yang digunakan untuk merekabentuk sistem ini adalah seperti berikut :

- *Microsoft Personal Web Server (PWS)*

Ia merupakan aplikasi pelayan web yang khusus bagi Windows 98 yang digunakan untuk mengendalikan fail-fail .asp dan .htm. Memandangkan persekitaran pembangunan adalah menggunakan sistem pengoperasian Windows 98, maka PWS diperlukan untuk menyediakan pelayan setempat tanpa hubungan rangkaian. Jika menggunakan pelayan Windows NT pula adalah disarankan guna *Internet Information Server 3.0*.

- *Microsoft FrontPage 2000*

Ia merupakan perisian yang digunakan untuk merekabentuk antaramuka. Frontpage Editor digunakan untuk membina fail-fail *Hyper Text Markup*

*Language* (HTML). Penggunaan FrontPage akan membolehkan kita merekabentuk laman web dengan mudah kerana tag-tag HTML akan dijana secara automatik. Maka kita tidak perlu membazir masa dengan membina tag-tag HTML secara manual melalui teks editor.

- Microsoft Access 2000

Pangkalan data Access digunakan dengan menghubungkan sistem melalui *Open Database Connectivity* (ODBC) iaitu pengaturcaraan antaramuka yang membolehkan aplikasi sistem mencapai data daripada pangkalan data yang menggunakan *Structured Query Language* (SQL) sebagai capaian data piawai. ODBC merupakan asas bagi konsep 'driver' pangkalan data. ODBC juga merupakan teknologi yang bebas daripada rangkaian kerana ia memerlukan kebolehgantian rangkaian perpustakaan [19].

- Microsoft Visual InterDev 6.0


Merupakan suatu perisian editor yang digunakan untuk membangunkan skrip ASP. Ia dapat mengabungkan beberapa bahasa arahan didalam satu fail seperti HTML, skrip VB dan skrip *Java*. Selain itu, ia juga mampu menyokong pernyataan SQL bagi menghasilkan satu laman web yang mampu berinteraktif dengan pengguna. Malah perisian ini adalah bersifat mesra pengguna kerana pengguna boleh melakarkan imej dan warna pada bahagian *design* manakala



pengkodan dilaksanakan pada bahagian *source*. Untuk melihat **hasil**, **pengguna** perlu klik bahagian *view* tanpa perlu membuka *browser*.

### 4.3 Spesifikasi Sistem


STDT yang dibangunkan ini terdiri daripada beberapa modul iaitu modul kategori, modul tempahan serta modul borang tempahan dan dibawah setiap modul ini ada lagi satu sub modul yang terlibat. Rajah 4.1 di bawah menunjukkan menu utama yang mana terdiri daripada beberapa kategori produk berlainan.



**Rajah 4.1 Menu Utama**

#### 4.3.1 Modul Kategori : Jam, Beg, Lampu, Anak Patung, Minyak Wangi

Di dalam kesemua modul bagi kategori produk iaitu jam, lampu, beg, anak patung dan minyak wangi ini terdapat lagi satu sub modul yang mana ia mengandungi jenis produk bagi setiap kategori (Rajah 4.2). Contohnya jika pengguna klik pada laman kategori "Jam" misalnya, ia akan membawa pengguna ke satu laman yang mengandungi beberapa jenis produk yang berlainan dan maklumat lengkap tentang produk yang dipilih itu akan dipaparkan.




**Rajah 4.2 Modul Bagi Kategori**



#### 4.3.2 Modul Tempahan

Jika pengguna ingin membuat tempahan bagi mana-mana jenis produk, mereka hanya perlu klik pada butang “Tambah Pada Cart”. Tetapi kuantiti produk hanya terhad kepada satu sahaja. Kemudian secara automatik, maklumat penempahan tadi dimasukkan ke dalam cart berserta dengan jumlah harga sekali. Selain itu juga disediakan kemudahan untuk menghapuskan mana-mana satu daripada produk yang telah dipilih atau tidak. Dan jika pengguna ingin menambah tempahan, mereka hanya perlu pergi semula ke menu utama untuk membuat pilihan lain.



**Rajah 4.3 Sub Modul Kategori**

### 4.3.3 Modul Borang Tempahan

Modul ini membolehkan pengguna mengisi borang tempahan pembelian dengan lebih cepat. Di antara jenis butiran yang diperlukan ialah butiran pelanggan, penerima dan kad kredit. Serta satu ruangan untuk pengguna memasukkan apa-apa mesej.

## 4.4 Gambaran Yang Berlaku Pada Halaman ASP

Skrip *Java* dan skrip *VB* digunakan untuk membina program klien (*client-side*) yang dilarikan pada pelayar. Outputnya akan dipaparkan pada halaman di pelayar. Teknologi pelayan (*server-side*) seperti program *CGI* (yang ditulis dalam *Perl*, *C++* atau *Visual Basic*), aplikasi *Microsoft Active Server Pages* akan dilarikan pada bahagian pelayan. Mereka dilaksanakan pada pelayan web (*web server*) dan secara dinamiknya menjana halaman web dan menghantar semula ke pelayar klien (*browser client*).

Kekuatan teknologi *server-side* adalah kebolehannya untuk mengembalikan kandungan berlainan ataupun halaman berlainan bergantung kepada input yang diterima dari klien. Kebiasaanya, pengguna akan mengisi borang pada pelayar web mereka dan



menghantarnya ke pelayan. Aplikasi pelayan kemudiannya menjana **halaman HTML**, membuat capaian terhadap pangkalan data, dan mengembalikan halaman **jawapan** ke pelayar web semula. Untuk melihat rajah perjalanan fungsi ASP sila rujuk **lampiran A**.

*BAB 5*  
*REKABENTUK*  
*SISTEM*

---



## **BAB 5**

### **REKABENTUK SISTEM**

#### **5.1 Pengenalan**

Pembangunan sistem yang terancang dan teratur merupakan faktor penting yang menjamin kualiti sesebuah sistem itu menepati kehendak pengguna atau tidak. Tanpa perancangan yang rapi serta teratur, sesebuah sistem yang dibangunkan itu akan menghadapi masalah dari segi ketidakstabilan, kebolehpercayaan dan sukar untuk memenuhi spesifikasi kehendak pengguna.

Sistem ini secara umumnya dibahagi kepada beberapa submodul tertentu untuk memudahkan pelaksanaannya. Keseluruhan proses rekabentuk sistem ini merangkumi fasa rekabentuk antaramuka dan rekabentuk pangkalan data. Setiap submodul adalah wakil bagi setiap entiti yang wujud dalam sistem pembelian dalam talian. Contohnya submodul untuk tempahan. Tujuan diadakan submodul adalah untuk memudahkan proses memasukkan maklumat dan menyimpan data. Selain itu ia juga bertujuan untuk memudahkan proses pembangunan aplikasi.

Bahasa pengaturcaraan yang digunakan untuk membangunkan sistem ini ialah bahasa HTML (*Hyper Text Markup Language*), skrip ASP (*Active Server Pages*) dan

bahasa pengaturcaraan lain seperti SQL (*Structured Query Language*) dan skrip *Visual Basic*.

## 5.2 Analisa Sistem

Laman web yang akan dibangunkan ini sebenarnya merangkumi satu proses yang besar dan tentunya memakan masa yang panjang untuk menyiapkannya, jadi pembangun telah memilih satu sub topik yang kecil iaitu Sistem Tempahan Dalam Talian (STDT). Di bawah topik ini pembangun akan mengendalikan cara-cara membuat tempahan, meneruskan atau menghapuskan tempahan yang telah dibuat, dan akhir sekali memaparkan semula senarai tempahan yang tinggal. Setiap entiti mewujudkan fungsi di dalam sistem penempahan. Fungsi-fungsi ini merupakan objek utama yang memainkan peranan penting dalam sistem tempahan. Sistem ini dilarikan dalam persekitaran berasaskan web dimana pengguna boleh mencapai sistem melalui kemudahan Internet.

Tujuan ia dibangunkan melalui web adalah untuk membolehkan pengguna yang berada di tempat berlainan juga dapat membuat capaian terhadap sistem. Sistem ini terdiri dari pengguna-pengguna yang melayari Internet ataupun kepada sesiapa yang berminat untuk menjadikannya sebagai panduan untuk turut membangunkan laman web yang seumpamanya ataupun yang lebih baik.



### **5.3 Penerangan Fungsi**

#### **5.3.1 Fungsi Kategori**

Fungsi kategori merupakan operasi-operasi yang melibatkan senarai penuh maklumat tentang produk yang ada dan ini dibahagikan kepada lima kategori laman web yang berasingan iaitu jam, lampu, beg, anak patung dan minyak wangi. Tujuan fungsi ini adalah untuk memudahkan proses urusniaga dengan pengguna supaya urusniaga dapat dilakukan dengan sempurna dan tidak menghadapi masalah.

#### **5.3.2 Fungsi Tempahan**

Tujuan fungsi ini adalah untuk mengetahui produk, kuantiti dan harga barangan yang telah ditempah. Selain itu ia juga dapat membantu pengguna menyemak semula penempahan yang dilakukan dan membolehkan pengguna membuat perubahan ke atas penempahan yang telah dibuat. Samada ingin meneruskan penempahan ataupun ingin menghapuskan mana-mana produk yang tidak dikehendaki. Jika pengguna ingin menghapuskan mana-mana produk, mereka hanya perlu klik pada perkataan "Hapus satu" ataupun "Hapus semua".

### 5.3.3 Fungsi Borang Tempahan


Fungsi ini untuk pengguna yang telah selesai membuat pembelian. Di mana mereka perlu mengisi beberapa butiran seperti butiran pengguna itu sendiri, butiran penerima dan butiran kad kredit. Setelah selesai, pengguna hanya perlu klik pada butang "Rekodkan Maklumat" dan satu paparan semula maklumat keluar. Pengguna diminta menyemak semula butiran yang dipaparkan itu. Jika semuanya betul ia akan disimpan ke pangkalan data dan jika ingin mengubahnya, klik pada butang "Isi Semula".

## 5.4 Model Sistem

Model ini akan menerangkan perjalanan suatu fungsi atau bagaimana sesuatu data itu diproses. Dengan dibantu oleh carta alir ini, pembangunan sistem dapat dilaksanakan dengan lebih teliti kerana sekiranya gambaran mengenai sistem yang akan dibangunkan telah ada, maka sebarang kekurangan atau masalah yang mungkin timbul dari sistem yang akan dibangunkan akan dapat dikesan. Maka penyelesaian terhadap kelemahan ini lebih mudah dicapai dan dilaksanakan. Sistem ini bermula dengan satu ruangan yang merupakan menu utama, dimana terdapat lima kategori produk dengan sambungan laman web yang berlainan (Rajah 5.1). Untuk memasuki mana-mana laman web




kategori ini, pengguna hanya perlu klik pada nama kategori dan maklumat ringkas tentang produk akan dipaparkan.



Rajah 5.1 Carta Alir Menu Utama


Carta alir di bawah pula menunjukkan perjalanan sistem apabila pengguna telah memilih salah satu daripada kategori yang ada dan di dalamnya terdapat produk yang berlainan. Di sini, pengguna boleh melihat maklumat bagi jenis produk yang disukai dan boleh mula membuat tempahan.



Rajah 5.2 Carta Alir Pilih Produk




